

## **WCT menang kontrak di Kwasa Damansara**

**KUALA LUMPUR 29**

**Sept.** - Syarikat hartanah milik Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kwasa Land Sdn. Bhd. (Kwasa Land) telah menganugerahkan kontrak kerja bernilai RM127 juta kepada WCT Holdings Bhd. (WCT) untuk pakej kerja bagi projek perbandaran Kwasa Damansara.

Pengarah Urusan

Kwasa Land, Datuk Mohd. Lotfy Mohd. Noh berkata, pakej kontrak kerja (WPC 1A) itu adalah cadangan pembinaan dan penyiapan kerja infrastruktur awam di perbandaran Kwasa Damansara, kawasan di MX-1 (perbandaran utama) dan Stesen Aliran Transit Massa (MRT) Kwasa Sentral.

Beliau dalam kenyataan hari ini berkata, tawaran itu merangkumi pelbagai kerja antaranya pembersihan dan penyediaan tapak, kerja-kerja tanah, jalan, penyaliran, perabot jalan, rawatan pembedungan, infrastruktur elektrik dan landskap.